

[VIDEO TEMATIK HADITH]- [TAUHID DAN IMAN] - SIRI 1- PERKARA-PERKARA YANG MENYEBABKAN SESEORANG MERASAI KEMANISAN IMAN

(KLIK)



<https://youtu.be/B5WjU2GKgJA>

[VIDEO – [Durasi – 16m 46s] – [IMAN – Siri 1] Perkara-perkara Yang Menyebabkan Seseorang Merasai Kemanisan Iman [VIDEO TEMATIK]

Video penuh asal – <https://youtu.be/ikRhGqS8cXU>

[KOLEKSI VIDEO TEMATIK HADITH - <https://syarahanhadits.school.blog/hadith-tematik-berdasarkan-tema/>]

MATAN, TINJAUAN UMUM DAN INTISARI HADITH

قَالَ ابْنُ -باب بَيَانِ خِصَالِ مَنْ انْتَصَفَ بِهِمْ وَجَدَ خَلَاوَةَ الْإِيمَانِ وَحَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ، وَمُحَمَّدُ بْنُ يَحْيَى بْنُ أَبِي عُمَرَ، وَمُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ، جَمِيعًا عَنِ الثَّقَفِيِّ، ثَلَاثُ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ بِهِمْ خَلَاوَةَ الْإِيمَانِ مَنْ كَانَ اللَّهُ " عَنْ أَيُّوبَ، عَنْ أَبِي قِلَابَةَ، عَنْ أَنَسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ -أَبِي عُمَرَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَهَّابِ، "وَرَسُولُهُ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا اللَّهُ وَأَنْ يَكْرَهُ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ بَعْدَ أَنْ أَنْقَذَهُ اللَّهُ مِنْهُ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقَذَّفَ فِي النَّارِ .

Bab - Perkara-perkara Yang Menyebabkan Seseorang Merasai Kemanisan Iman Anas meriwayatkan Nabi s.a.w. bersabda, "Tiga perkara jika ada pada seseorang tentu dia akan merasai kemanisan iman. Pertama, orang yang mencintai Allah dan Rasul-Nya melebihi kecintaannya kepada selain keduanya. Kedua, orang yang mencintai seseorang semata-mata kerana Allah dan ketiga, orang yang tidak suka kembali kepada kekufuran setelah dia diselamatkan oleh Allah sebagaimana dia tidak suka dilemparkan ke dalam api".

[RINGKASAN] Perkara-perkara Yang Menyebabkan Seseorang Merasai Kemanisan Iman

TINJAUAN UMUM

1. Jika ada tiga sifat ini, seseorang akan merasai kemanisan iman, iaitu, mencintai Allah dan Rasul-Nya melebihi dari yang lain, mencintai seseorang kerana Allah dan Rasul dan benci untuk kembali kepada kekufuran.
2. Perasaan cinta dan benci kerana Allah ini berkait rapat dengan tahap iman seseorang sebagaimana deria rasa fizikal kita berkait rapat dengan kesihatan jasmani kita. Seseorang yang sakit, misalnya, tidak rasa manis atau masin sesuatu makanan sebagaimana orang yang sihat merasainya.
3. Rohani yang tidak sihat akan menghalang seseorang dari memenuhi tuntutan iman dan merasai kemanisan iman. Bandingkan iman di zaman Sahabat, di mana kekuatan iman mereka menyebabkan ajaran agama dilaksanakan secara spontan dan mudah.
4. Ulama' berbeza pendapat tentang maksud "kemanisan iman". Ada yang berpendapat ianya adalah kemanisan yang dirasai bila dapat beribadat dan melakukan ketaatan kepada Allah. Juga kegembiraan dapat mengatasi kesukaran dalam menegakkan agama Allah dan beribadat kepada Allah dan dapat mengutamakan kepentingan akhirat berbanding dunia .

5. Tetapi jika sebaliknya kita merasakan perkara dunia adalah lebih penting dari perkara akhirat, kemanisan iman tidak akan timbul dalam jiwa kita.

6. Penyakit hati menyebabkan kita lesu dan malas untuk melaksanakan tuntutan agama, tetapi jika ditekan nafsu kita, kita akan berjaya sebagaimana berjayanya orang yang sakit sembuh dari penyakit bila makan ubat, walaupun dia tidak suka makan ubat.

7. Adakah "kemanisan iman" dapat dirasakan oleh deria kita atau hanya wujud di segi makna (abstrak)? Ada yang berpendapat ianya adalah perkara "abstrak" dan tidak dapat dikesan oleh deria rasa. Yang ada adalah "kesan-kesannya" dari tingkah laku seseorang seperti keyakinan yang kukuh terhadap kepercayaan, patuh kepada perkara yang diimaninya dan rasa seronok dan lazat bila melaksanakan perintah-perintah Allah. Pendapat lain (dan yang lebih tepat) ialah kemanisan iman dapat dirasakan oleh deria batin. Ini dibuktikan oleh peristiwa Sahabat Nabi yang dipanah dengan tiga anak panah ketika sedang bersembahyang. Beliau r.a. tidak berhenti dari sembahyang kerana rasa lazatnya membaca ayat al-Quran dalam sembahyang menenggelamkan kesakitan dari luka kena panah.

INTISARI DARI HADITH

1. Mencintai Allah bermaksud sentiasa mentaati-Nya dan tidak menderhakai-Nya. Mencintai Rasulullah pula ialah sentiasa berpegang teguh dengan syariat yang dibawa Baginda, di samping taat dan patuh kepadanya. Rujuk Surah ali-Imran, ayat 31 yang bermaksud, "Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku...)"

2. Perlu diingat bahawa mencintai Rasulullah s.a.w. bukan dengan memakai logo capal, berqasidah dan mengagungkan apa-apa yang tidak sahih dari Nabi atau amalan-amalan seumpamanya sebagaimana amalan sebahagian umat Islam masa kini.

3. Mencintai seseorang kerana Allah menjadi tuntutan agama disebabkan faktor seperti taatnya seseorang itu kepada Allah, ilmu agamanya yang tinggi yang dapat memanfaatkan masyarakat dan budi pekertinya yang tinggi. Ianya tidak didorong oleh faktor duniawi seperti kekayaan, pangkat dan kedudukan atau kecantikan. Begitu juga sebaliknya, faktor membenci seseorang adalah kerana kederhakaannya kepada Allah.

4. Imam Malik mengatakan mencintai kerana Allah adalah suatu yang wajib.

5. Kasih dan benci kepada seseorang kerana Allah adalah kesan dari sifat yang pertama iaitu mencintai Allah dan Rasul-Nya melebihi dari yang lain.

6. Kedua-dua sifat di atas akan menimbulkan pula sifat ketiga iaitu benci kembali (atau menjadi) kufur.

7. Oleh itu, yang paling penting ialah usahakan supaya mencapai sifat yang utama iaitu mencintai Allah dan Rasul melebihi dari yang selainnya.

8. Allah menyelamatkan manusia dari kekufuran dengan dua cara iaitu,

i) dengan melahirkan seseorang di dalam keluarga Islam dan menghidupkannya sebagai orang Islam sehingga mati, dan,

ii) mendorongnya supaya memeluk agama Islam dan tidak kembali kepada kekufuran.